

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 10/1977**

=====

CONSOLIDATED ANNUL CHARGE (CAC)

Satu persetujuan telah dibuat dengan Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia (MRDC) berkenaan dengan potongan hutang (CAC) peserta-peserta Rancangan-Rancangan Kemajuan Tanah, Negeri Selangor. Mulai dari tarikh Surat Pekeliling ini MRDC tidak membuat potongan hutang (CAC) bagi pihak Kerajaan Negeri. Kutipan CAC adalah tanggungjawab Pemungut Hasil Tanah yang berkenaan dengan rancangan tanah.

2. Satu peraturan yang baru dan sesuai telah dibuat dan dipersetujui oleh pihak Odit. Peraturan seperti yang disebut di bawah hendaklah diikuti:-

- i) Pengarah Tanah dan Galian, Selangor adalah bertanggungjawab untuk menyimpan 'Counterfoil Stock Books' Kew 249.
- ii) Pengarah Tanah dan Galian, Selangor akan mengeluarkan buku-buku resit Kew 38 kepada Pemungut-Pemungut Tanah yang berkenaan dan salinan pemberitahu itu hendaklah dihantar kepada Juru Odit untuk makluman.
- iii) Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Bhd (MRDC) tidak lagi bertanggungjawab memotong Bayaran Tahunan yang disatukan (CAC) daripada peserta-peserta di Rancangan-Rancangan tanah berkenaan. Peserta-peserta boleh membayar terus kepada Pemungut-Pemungut Hasil Tanah di Pejabat Daerah masing-masing.
- iv) Pemungut-Pemungut Hasil Tanah hendaklah mengeluarkan resit atas nama tiap-tiap peserta terhadap semua kutipan yang dibuat dengan menggunakan Kew 38.
- v) Selain daripada kutipan harian, kutipan luar hendaklah juga dibuat dua kali sebulan dan Kew 38 bolehlah juga digunakan.
- vi) Satu buku tunai khas untuk kutipan CAC hendaklah digunakan.
- vii) Tiap-tiap bulan satu salinan penyata jumlah kutipan CAC hendaklah dihantar ke Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Selangor.
- viii) Pemungut Hasil Tanah mestilah menyediakan 'Collectors Statement' dan segala kutipan itu diserahkan kepada Bendahari Negeri Selangor dikreditkan ke dalam kod Kumpulan Wang Pembangunan 82205 dan satu salinan penyata tersebut dihantar ke Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Selangor.

- ix) Kira-kira perseorangan akan disediakan oleh Pemungut Hasil Tanah dalam sebuah buku yang sesuai misalnya T.B. 186.
- x) Sebuah buku yang sama akan juga disimpan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Selangor.
- xi) Upah Ukur premium dan lain-lain hendaklah diasingkan daripada jumlah yang telah dikutip hingga hari ini.

2. Pemungut-Pemungut adalah bertanggungjawab untuk menyimpan kira-kira kewangan bagi Rancangan Tanah seperti berikut:-

- i) Buku tunai (Cash Book).
- ii) Salinan Resit untuk Odit.
- iii) Resit-resit hendaklah dimasukkan di dalam Borang Penyata Kawalan Hasil (Return of Controlled Revenue Forms) (Kew 68) untuk pemeriksaan Odit.
- iv) Salinan-salinan Penyata Pemungut (Copy Of Collectors Statement) dan
- v) Buku Daftar (T.B. 186)

3. Pengarah Tanah dan Galian, Selangor akan bertanggungjawab menyimpan buku-buku dan rekod seperti berikut:-

- i) Menyimpan Buku Daftaran untuk resit-resit yang dikeluarkan kepada Pemungut-Pemungut.
- ii) Buku Daftar Kira-Kira Perseorangan (T.B. 186)

4. Pemungut-Pemungut hendaklah patuh dengan cara-cara dan peraturan-peraturan yang dikeluarkan dalam arahan ini supaya semua kutipan yang diperolehi daripada Rancangan Kemajuan Tanah di Negeri Selangor ini dikawal dengan lacin dan teratur.

5. Surat Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian, Selangor Bil. 8/75 adalah dibatalkan.

T.T
(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PTG.Sel.32 Pt 1(34)

Kuala Lumpur
1hb. November 1977